

# 99 pelajar didedah isu pemasaran

UM 18/5/2011 30

LABUAN 17 Mei - Seramai 97 pelajar jurusan pemasaran antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Labuan mengikuti seminar isu semasa yang diadakan di kampus itu, baru-baru ini.

Ketua Program berkenaan, Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki berkata, tujuan seminar itu adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu semasa berkaitan pemasaran.

“Program ini akan meningkatkan pengetahuan dan kualiti kajian akademik serta menyediakan platform kepada pelajar untuk memberikan pendapat mereka dalam pelbagai topik pemasaran dan kajian,” katanya di sini, baru-baru ini.